

## BAB SATU

### 1.1 TAMADUN DAN BUDAYA

Perkataan 'tamadun' sering disamakan maksudnya dengan perkataan 'budaya' kerana terdapat unsur-unsur yang membentuk tamadun yang juga terdapat dalam unsur-unsur yang membentuk budaya. Walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan dari beberapa segi, namun ada baiknya jika perbezaan antara kedua-duanya dijelaskan terlebih dahulu. Ini kerana keaburan mengenai kedua-dua istilah ini akan mewujudkan kekeliruan tentang kedua-dua konsep itu sedangkan pada hakikatnya kedua-dua istilah ini berbeza antara satu sama lain dari segi ruang lingkup dan definisi.

#### 1.1.1 KONSEP TAMADUN

Perkataan 'tamadun' menurut Kamus Dewan bermaksud:

*'keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh, atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi, peradaban. sebuah negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran dalam semua bidang di atas yang tinggi. Suatu budaya atau cara hidup orang-orang di negara, kawasan atau zaman tertentu serta keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus'<sup>1</sup>.*

Jika diteliti dari segi sejarah, perkataan yang hampir sama maksudnya dengan perkataan tamadun telahpun digunakan oleh sarjana Islam sejak kurun ke-14 Masihi(M) lagi. Ahli sosiologi Islam terkemuka, Ibnu Khaldun<sup>2</sup> di dalam bukunya '*Muqaddimah*' telah menggunakan perkataan *umran*

ketika membincangkan sifat masyarakat dalam kalangan manusia. *Umran* yang disebut oleh Ibnu Khaldun ini berasal dari perkataan Arab '*amara*' yang bererti:

*'kawasan tanah atau rumah yang didiami, diduduki orang, tinggal menetap, segolongan penduduk yang menetap dan seumpamanya dalam suatu keadaan yang berkembang subur lagi makmur di sebalik keadaan kering tandus atau terbiar serta binasa. Ia juga bermakna suatu dasar membayangkan Bunyan: suatu binaan, suatu struktur, suatu bangunan atau kerja mendirikan bangunan.'*<sup>3</sup>

Di dalam bahasa Inggeris perkataan yang sama maksudnya dengan perkataan tamadun ialah perkataan *civilization*. Perkataan ini diambil dari perkataan latin '*civitas*' yang bererti 'bandar, kerakyatan dan negara berpenduduk'. '*Civitas*' pula bermaksud 'kesopanan, politik; '*civilis*' bermakna sivil, penduduk politikal, demokratik dan bersopan-santun. Perkataan ini mula digunakan di Eropah pada abad ke-18M dan mula digunakan dalam buku-buku Inggeris pada kurun ke-19M. Sebelum itu tiada bukti yang jelas menunjukkan para penulis barat mempunyai pemahaman yang tepat tentang maksud '*civilization*'.<sup>4</sup>

Di sini perlu dijelaskan tentang perbezaan maksud perkataan tamadun atau '*umran*' yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun, ahli sosiologi Islam dan perkataan yang disamakan maksudnya dalam bahasa Inggeris iaitu '*civilization*'. Perkataan *civilization* yang dimaksudkan oleh Barat bermaksud 'kebudayaan yang telah mencapai suatu tahap yang kompleks dan biasanya disifatkan sebagai kehidupan bandar. Ia juga berkebolehan, dalam kata lain untuk mengekalkan sebilangan besar pakar untuk memenuhi keperluan ekonomi, sosial, politik dan agama dalam masyarakat yang besar'. Antara sifat lain tamadun seperti yang tergolong dalam definisi ini termasuklah 'suatu sistem penulisan

untuk menyimpan rekod, binaan tugu atau patung di dalam suatu bangunan dan suatu seni yang tidak semestinya menjadi penghias tetapi menunjukkan aktiviti manusia dan masyarakatnya'<sup>5</sup>.

Sementara itu istilah 'tamadun' yang digunakan dalam bahasa Melayu berasal dari perkataan Arab. Perkataan '*tamaddun*' dan '*din*' adalah dari akar kata yang sama. Menurut Samuel Huntington ada enam tamadun besar dunia dan setiap satu darinya dikaitkan dengan satu agama. Menurutnya lagi, dari lima agama dunia yang disenaraikan oleh Max Weber, empat darinya iaitu agama Islam, Hindu, Kristian dan Konfusianisme dikaitkan dengan tamadun utama dunia. Tamadun kelima iaitu Buddha tidak dianggap demikian.<sup>6</sup>

Selain perkataan tamadun, perkataan 'peradaban' yang juga sama ertinya dan biasa digunakan untuk menggantikan perkataan tamadun juga berasal dari perkataan Arab '*adab*'. Perkataan ini mempunyai banyak makna. Salah satu dari maknanya ialah 'sastera'. Ia juga berkait rapat dengan 'adat resam iaitu tingkah laku yang diulang-ulang dan dijadikan corak hidup' malahan bolehlah dikatakan bahawa peradaban merupakan 'keseluruhan cara hidup'.

Perkataan ini juga merujuk kepada konsep 'tahap kemajuan manusia yang tinggi (*high level of human progress*) yang dibezakan oleh kemajuan kebendaan (*material progress*)'. Menurut definisi Kamus Dewan seperti yang telah disebut di atas ada empat makna atau unsur yang membentuk tamadun iaitu i) Keadaan masyarakat manusia yang didasarkan kepada kemajuan kebendaan (*material*) serta perkembangan pemikiran sama ada dari segi sosial, politik dan budaya; ii) Negara dan penduduknya yang telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi; iii) budaya atau cara hidup orang-

orang tertentu; iv) keadaan pemikiran yang halus, budaya yang telah diperhalusi dari satu tahap ke tahap yang lain.

Sementara itu *Longman Dictionary of Contemporary English* memberi empat makna *civilization* iaitu i) taraf kemajuan dan kemanusiaan yang tinggi yang dicirikan oleh tahap pencapaian yang tinggi dalam bidang kesenian, agama, sains dan organisasi sosial dan politik dan bagaimana sesuatu bangsa atau masyarakat itu menyusun organisasi itu; ii) masyarakat yang beradab atau bertamadun dalam sesuatu zaman atau di kawasan yang tertentu; iii) kehidupan di sesuatu tempat yang mendekati kehidupan dunia moden dan iv) proses memperadabkan atau mencapai tamadun iaitu proses sesuatu bangsa memperadabkan sesuatu atau diri mereka sendiri, atau diperadabkan oleh orang lain.<sup>7</sup>

Kesimpulannya, maksud tamadun merujuk kepada proses pencapaian masyarakat dalam kehidupan manusia; keduanya bangsa atau umat dan ketiganya bangsa atau umat yang diperadabkan atau memperadabkan diri mereka. Perlu juga dijelaskan di sini bahawa definisi 'tamadun' yang diberikan oleh sarjana barat melalui perkataan *civilization* adalah berbeza dengan konsep 'tamadun' yang difahami oleh sarjana Islam dan masyarakat Melayu Islam kerana definisi yang diberikan oleh barat mengenai tamadun lebih berunsur 'kebendaan' manakala definisi sarjana Islam pula meliputi bidang 'pemikiran dan kerohanian'.<sup>8</sup>

### 1.1.2 HUBUNGAN KONSEP TAMADUN DAN KONSEP BUDAYA.

Dari segi sejarah, perkataan *civilization* yang digunakan di barat pada mulanya digunakan bersama-sama dengan perkataan 'budaya'. Menurut Fernand Braudel sewaktu perkataan *civilization* mula digunakan di Eropah pada abad ke-18 ia digunakan bersama-sama perkataan *culture* iaitu perkataan yang sebelum itu digunakan untuk merujuk kepada 'pencapaian manusia dalam sesuatu bidang'. Pada waktu itu, kedua-dua perkataan berkenaan adalah berhubungkait. Perkataan *culture* digunakan lebih kurang sama maknanya dengan perkataan *civilization* sejak sekian lama dan kedua-duanya membawa pengertian yang sama. Menurut Braudel, perkataan *civilization* yang digunakan itu mempunyai dua makna iaitu meliputi nilai 'moral' dan 'material'. Oleh kerana itulah Karl Marx membezakan antara infrastruktur (*material*) dan 'superstructure' (*spiritual*) - kerana spiritual menurutnya banyak bergantung kepada material<sup>9</sup>.

Sebenarnya apabila hendak dilihat persamaan antara tamadun dan budaya bolehlah dikatakan bahawa kedua-duanya merujuk kepada cara kehidupan menyeluruh manusia malahan suatu *civilization* juga dianggap sebagai suatu *culture* dalam ertikatanya yang luas menurut Huntington. Kedua-duanya melibatkan nilai, norma, institusi dan cara berfikir dalam sesebuah masyarakat manakala setiap generasinya turun temurun menganggap ia sebagai suatu keutamaan<sup>10</sup>.

Carrol Quigley sewaktu menjelaskan hal ini menulis, *culture* hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan gambaran kehidupan yang dikaji oleh manusia. Selebihnya itu, ialah mengenai

aktiviti manusia yang membina *culture*. Beliau menegaskan bahawa *culture* ialah kesinambungan dari usaha manusia mengenalpasti potensi mereka secara berkesan untuk memuakan kehendak dalaman mereka. Tanpanya tidak akan ada manusia dan tanpa manusia tidak akan ada *culture*. Kombinasi antara manusia (*man*) dan budaya mereka dikenali dengan berbagai nama dan salah satu darinya ialah tamadun atau *civilization*<sup>11</sup>. Persamaan dan perkaitan antara budaya dan tamadun ini menurut Quigley ialah :

masyarakat/ tamadun = manusia + budaya<sup>12</sup>.

Persoalannya adakah dua tamadun yang berbeza boleh memiliki budaya yang sama?. Untuk menjawab persoalan ini, ada beberapa orientalis yang memasukkan Islam sebagai sebahagian dari budaya Barat antaranya 'Bausani'. Sementara itu, Max Damon dalam bukunya '*History of the Jews*' berkata bahawa tamadun Yahudi turut hadir dan membina tamadun Islam pada zaman kegemilangan tamadun Islam. Selain tamadun Yahudi tamadun-tamadun lain yang menjadi subcivilization tamadun Islam ialah tamadun Kristian dan tamadun Islam itu sendiri<sup>13</sup>. Jelasnya budaya ialah unsur universal yang tidak hanya wujud dalam tamadun tertentu tetapi boleh wujud dalam tamadun yang berbeza.

Menurut Hunthinton, terdapat hubungan dalam pembahagian manusia berdasarkan unsur budaya yang seterusnya mewujudkan tamadun-tamadun dengan ciri fizikal mereka yang mewujudkan suatu bangsa. Namun demikian tamadun dan bangsa ialah dua perkara yang berbeza. Mereka yang sama bangsanya boleh dibahagi-bahagikan kepada tamadun berlainan namun mereka yang berlainan bangsa pula boleh disatukan melalui satu tamadun. Dalam hal ini, Hunthinton memberi contoh

agama Kristian dan agama Islam, dua agama besar yang menyatukan masyarakat yang berlainan bangsa. Perbezaan antara kumpulan manusia ialah berkaitan dengan nilai, kepercayaan, institusi dan struktur sosial mereka dan bukan saiz fizikal, bentuk kepala dan warna kulit mereka<sup>14</sup>.

## 1.2 TAMADUN JEPUN DAN KEBUDAYAANNYA

Menurut Samuel Hunthington, tamadun Jepun ialah sebuah tamadun yang berbeza dengan tamadun-tamadun lain, walaupun ia menerima pengaruh tamadun China yang muncul antara tahun 100 hingga 400 M<sup>15</sup>. Ia juga merupakan sebuah tamadun yang juga merupakan sebuah negara berbeza dengan tamadun lain yang terdiri dari berbagai negara, bangsa dan agama. Untuk melihat lebih jelas lagi kemunculan budaya Jepun, perlu dijelaskan di sini tentang asal usul tamadun Jepun sejak zaman awal penubuhannya. Pemahaman ringkas mengenai budaya Jepun pada zaman awal ini akan dapat memudahkan lagi pemahaman mengenai negara Jepun dalam kerangka tamadun yang akan dibincangkan pada bab seterusnya.

### 1.2.1 BUDAYA JEPUN PADA ZAMAN AWAL

Pada zaman awal budaya masyarakat Jepun boleh dibahagikan kepada zaman *Jomon*, *Yayoi* dan *Kofun*. Zaman *Jomon* dikenalpasti dengan merujuk kepada corak berbentuk tali diatas tembikar buatan tangan. Menurut *Encyclopedia Brittanica* beberapa usaha telah dilaksanakan untuk mengenalpasti usia serta tarikh zaman *Jomon* yang pada mulanya dinyatakan sebagai antara 4,000

hingga 3,000 Sebelum Masihi (SM). Para sarjana kemudiannya menerima secara umum bahawa ia bermula pada tahun 8,000 SM<sup>16</sup>. Budaya *Jomon* ini berlanjutan sehingga tahun 300 SM. Melihat dari segi rupa bentuk tembikar yang dihasilkan pada zaman *Jomon* ini ialah didapati bahawa tembikar yang dihasilkan pada zaman ini mempunyai berbagai corak yang berbeza bergantung kepada tempat ia dijumpai. Tembikar tanah liat ini telah menunjukkan perubahan dari segi bentuk bahagian bawahnya yang mula-mula meruncing, kemudian membujur dan akhirnya dibuat menjadi mendatar selaras dengan perkembangan zaman *Jomon*.<sup>17</sup> Walaupun ada perbalahan tentang asal usul gaya tembikar *Jomon* (kerana ada diantara corak *Jomon* yang terdapat di benua Asia) namun memang tidak dapat dinafikan tentang kecekapan hasil kerja tangan orang *Jomon* yang telah dipraktikkan dengan begitu bertenaga dan giat selama beberapa ribu tahun<sup>18</sup>. Selain tembikar, manusia zaman *Jomon* juga membuat patung daripada tanah yang dikenali sebagai 'dogu'. Patung ini mempunyai bentuk rupa yang herot dan berupa setengah manusia dan setengah haiwan. Ini menunjukkan bahawa pembuat patung berkenaan seorang yang percaya kepada perkara tahyul dan magis serta primitif.<sup>19</sup>

Selama enam ratus tahun yang berikutnya bermula dari tahun 300 SM hingga 300M budaya masyarakat Jepun dikenali sebagai zaman *Yayoi*, sempena nama tapak tempat perlatan dan tinggalan arkeologi zaman berkenaan dijumpai buat pertama kalinya. Keunikan tembikar yang dicipta pada zaman ini ialah ia dibuat dengan menggunakan ceper yang boleh diputar serta teknik pembakaran yang menghasilkan bekas yang halus seninya berbanding dengan yang terdapat pada zaman *Jomon*. Dengan melihat tembikar zaman *Yayoi* yang begitu indah hasilnya dapatlah disimpulkan bahawa pengaruh tamadun yang membawa teknologi baru ke Jepun juga telah memajukan mentaliti penduduknya<sup>20</sup>. Penggunaan logam juga telah memberi perangsang kepada satu kemajuan yang pantas



dalam tamadun Jepun pada zaman *Yayoi*. Oleh kerana logam gangsa dan besi diperkenalkan pada masa yang sama, Jepun tidak mempunyai satu zaman gangsa yang sebenarnya. Besi menjadi materi untuk kegunaan harian manakala gangsa pula digunakan untuk membuat objek upacara dan hiasan.<sup>21</sup>

Sementara itu, zaman *Kofun* atau bermaksud 'pusara atau kuburan' pula bermula pada tahun 250 M setelah terjumpanya timbunan-timbunan tanah perkuburan orang-orang yang berpengaruh yang dibina di seluruh bahagian barat Jepun. Sehingga kini sejumlah 2,160 tanah perkuburan seumpama itu telah dikenal pasti. Selain dari kubur-kubur besar yang dibina oleh rakyat untuk ketua-ketua puak mereka, kuil-kuil *Shinto* juga telah mencapai kemajuan besar dari segi pembinaannya pada zaman ini<sup>22</sup>. Perbezaan antara kubur pada zaman *Kofun* dengan kubur yang terdapat pada zaman *Yayoi* ialah, ia lebih besar dari segi skalanya manakala bentuknya kelihatan seperti lubang kunci yang tradisional atau segi empat bujur. Salah satu daripada timbunan besar kubur ini ialah yang terletak di bandar *Sakai*. Ia dibina pada pertengahan abad ke-4. Timbunan ini berukuran 475 meter panjang manakala bahagian depannya pula berbentuk segi empat seluas 300 meter persegi. Bahagian belakangnya yang berbentuk bulatan mempunyai diameter seluas 245 meter. Ia dikelilingi oleh tiga parit dan timbunan itu begitu besar sehingga ia boleh disalah anggap sebagai bukit<sup>23</sup>. Selain itu kubur ini juga dikelilingi oleh 20,000 askar yang dibuat dari tanah liat, manakala di bahagian dalamnya pula terdapat manik-manik, gelang tangan, rantai leher dan pedang<sup>24</sup>.

### 1.2.2 PENIRUAN DARI NEGARA CHINA

Peringkat awal pembentukan negara Jepun memperlihatkan peniruan masyarakat Jepun dan

penyerapan budaya serta ketamadunan China ke Jepun. Dari segi kelas sosial terdapat tiga golongan iaitu *uji*, *be* dan *yatsuko* yang membentuk satu komuniti. *Uji* boleh dianggap sebagai satu puak tetapi ia juga bermaksud kumpulan dari keturunan yang sama. Mereka merupakan kumpulan keluarga yang besar dan terdiri dari unit yang diorganisasikan sebagai kelas atasan. Sebagai anggota kelas atasan mereka memiliki nama keluarga dan memegang gelaran penghormatan<sup>25</sup>. Anggota *uji* memuja satu tuhan yang dianggap mempunyai kuasa sakti dan dianggap sebagai nenek moyang mereka. Sementara itu *be* pula ialah komuniti yang ditempatkan berdasarkan pekerjaan mereka manakala *yatsuko* pula terdiri dari hamba yang dimiliki oleh keluarga *uji*.

Sementara itu, peminjaman secara sedar atau tidak berlaku secara berterusan dalam masyarakat Jepun bermula dari abad pertama lagi. Elemen pertama yang dipinjam ialah agama *Buddha*. Agama ini mendapat sambutan terutamanya apabila maharaja menganut agama ini manakala keluarga *Soga* telah berjaya menewaskan puak-puak lain yang menentang agama *Buddha*. Sementara itu dibawah *Putera Shotoku*, penyerapan dan peminjaman budaya China dijalankan dengan giat sekali termasuk penggunaan kalendar China, pemberian pangkat dalam istana dan penghantaran duta serta pelajar ke negara China.

Setelah kematian *Putera Shotoku*, keadaan huru-hara berlaku akibat daripada perebutan kuasa. *Soga Umako* bercadang untuk menaiki takhta tetapi dia meninggal sebelum sempat menaiki takhta. Puteranya *Soga Yemishi* telah berjaya menaiki takhta. *Yemishi* dan puteranya telah membunuh anak *Shotoku* kerana bimbang anak *Shotoku* akan menuntut takhta pemerintahan satu hari kelak. Pada masa ini kekuasaan dan kekayaan negara berpusat di tangan keluarga *Soga*. Apa yang berlaku pada masa

ini ialah keluarga *Soga* terutamanya *Yemishi* telah menyalahgunakan kuasa dan kekayaan negara dengan melakukan pembaziran demi kepetingan keluarganya. Segala yang dilakukan oleh mereka telah tidak disenangi oleh pelajar yang kembali dari luar negara, keluarga *Fujiwara* yang gagal dalam persaingan sebelum ini dan putera *Naka No Oe* yang disingkirkan. Pada tahun 645M, golongan ini telah berjaya menggulingkan keluarga *Soga* dan mengambil alih tampuk pemerintahan. Putera *Naka No Oe* telah mengambil alih takhta dengan gelaran *Maharaja Tenji* manakala pemimpin keluarga *Fujiwara*, *Nakatomi Kamatari* menjadi Perdana Menterinya. Mereka kemudiannya telah mengumumkan rancangan pembaharuan segala bidang yang dipanggil *Pembaharuan Taika*. Perkara penting pembaharuan ini ialah pembahagian negara kepada beberapa daerah di bawah kerajaan pusat, serta pembaharuan ekonomi dan sosial.

### 1.2.3. TULISAN DALAM BUDAYA JEPUN

Hubungan Jepun dengan Korea membawa kepada akibat yang penting kepada Jepun iaitu kemasukan tulisan China. Walaupun terdapat perbezaan yang besar dari segi pertuturan bahasa China dengan Jepun, namun ia akhirnya membawa kepada pertalian yang rapat antara bahasa dan tulisan ini.<sup>26</sup> Dalam proses penyerapan budaya China ini masyarakat Jepun telah mengembangkan kaedah baru dalam penulisan dan bentuk baru dalam kesusasteraan. Sehingga abad ke-9 dan ke-10, membaca teks China mengikut susunan perkataan Jepun dan dengan bahasa rasmi Jepun yang mempunyai perkaitan dengan maksud tulisan China itu telah menjadi suatu kebiasaan. Perubahan dalam penggunaan perkataan itu memungkinkan penggunaan simbol (yang dikenali sebagai *kaeriten* atau "titik mula") yang menunjukkan turutan nahu yang betul dalam bahasa Jepun, yang berbeza dengan

bahasa China yang asal. Perkembangan ini sebahagian darinya menunjukkan tanda kurangnya kefasihan masyarakat Jepun dalam bahasa China yang juga merupakan sebab wujudnya beberapa jenis kamus pada peringkat ini. Kebanyakan tulisan China pada peringkat ini juga telah 'dijepunkan' menyebabkan ia tidak difahami oleh orang China sendiri. Kebanyakan daripada tulisan Jepun-China ini yang dikenali sebagai 'Kambun' (tulisan *Han*) dan ia hanya boleh dibaca oleh mereka yang memahami kedua-dua bahasa itu.<sup>27</sup>

Perkembangan seterusnya menyaksikan permulaan penggunaan tulisan fonetik bahasa Jepun. Sebahagian dari *Kojiki*<sup>28</sup> ditulis dengan tulisan China yang digunakan secara fonetiknya bagi mewakili sebutan tertentu dalam bahasa Jepun. Pada kurun ke-9, bentuk tulisan ini telah berkembang menjadi bentuk tulisan fonetik yang bersistem dan dipanggil '*kana*'. Keseluruhan bentuk tulisan China ditulis semula dalam bentuk yang paling ringkas dipanggil '*hiragana*' manakala elemen tertentu dalam tulisan China yang dipilih dari bentuk tulisan ini yang mewakili nilai fonetiknya dipanggil *katakana*<sup>29</sup>.

Sistem tulisan *kana* ini telah memberi rangsangan yang utama dalam penulisan puisi *waka*<sup>30</sup>, prosa dan juga pertumbuhan kegiatan-kegiatan kesusasteraan dalam bahasa Jepun, seperti sejarah, karangan dan lain-lain. Edin O. Reischauer dalam bukunya '*The Story of a Nation*' berpendapat pada lewat abad ke-10 dan 11 merupakan zaman keemasan bagi perkembangan prosa Jepun<sup>31</sup>. Sementara itu unsur-unsur budaya China yang berkembang sejak zaman awal ini telah membantu pembentukan budaya Jepun yang tersendiri seperti yang akan dijelaskan pada bab akan datang.

### 1.2.3 KESUSASTERAAN DALAM KEBUDAYAAN JEPUN

Perkembangan tulisan pada abad ke-9 membawa kepada permulaan penulisan syair mudah dalam bahasa Jepun dan perkembangan pesat kesusasteraan prosa tempatan. Galakan penulisan puisi di istana telah membawa kepada perkembangan pesat di zaman *Fujiwara*. Pada tahun 905M, satu kompilasi telah dibuat berdasarkan arahan istana, manakal antologi 1100 syair, hampir kesemua 'tanka' (syair pendek) , yang dihasilkan pada masa *Man'yoshu*<sup>32</sup> dihasilkan ditulis sebelum tahun 760M.

Sehingga abad ke-9 beberapa cerita mudah juga telah ditulis dalam bahasa Jepun. Ia telah diikuti pada abad ke-10 dengan karya *Ise Monogatari* (Hikayat Ise) yang mengandungi 125 episod, setiap satunya berkisar mengenai satu atau dua buah syair. Sehingga abad ke-11 satu bentuk penulisan baru telah muncul di Jepun dengan kehadiran beberapa penulis wanita yang menulis mengenai pengalaman mereka ketika tinggal di istana seperti yang dialami oleh mereka. Salah satu dari buku terkemuka mengenai hal ini ialah *Makura no soshi* (*Pillow book*), satu catatan yang berunsur humor dan mengandungi komen serta pemerhatian mengenai kehidupan istana dilihat dari sudut pandangan seorang wanita yang dikenali dengan nama penanya *Sei Shonagon*. Namun begitu karya paling agung dalam kesusasteraan Jepun ialah *Genji monogatari* ( Hikayat Genji) oleh seorang wanita petugas istana yang menggunakan nama *Murasaki Shikibu*. Ia menceritakan mengenai pengembaraan *Putera Genji* yang ditulis dalam bentuk lucu, berunsur psikologi dan bernilai estetika yang menjadi ikutan penulis sastera Jepun selepas itu.

### 1.3 KESHOGUNAN TOKUGAWA

Sebelum diterangkan mengenai Keshogunan Tokugawa dalam tamadun Jepun kita tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh *Toyotomi Hideyoshi* (1536-1598) yang berjaya menyatukan negara Jepun selepas mewarisi kepimpinan dari *Oda Nobunaga* (1534-1582). Selepas peperangan *Sekigahara* pada tahun 1600, *Ieyasu* menjadi pemimpin pertama keshogunan *Tokugawa* yang beribunegarakan *Edo* (Sekarang Tokyo) selepas menewaskan anak *Hideyoshi*, *Hideyori* (1593-1615). Antara dasar pentadbiran kerajaan *Tokugawa*, yang paling utama ialah sistem sosial yang berasaskan kelas dan masyarakat telah dibahagikan kepada kelas-kelas sosial. Mereka terpaksa hidup serta melakukan tugas harian berasaskan kepada sistem sosial yang ditetapkan itu. Pemerintahan keshogunan *Tokugawa* telah disambung oleh waris yang terdiri daripada keturunannya dan ia diteruskan secara turun temurun sehingga kejatuhan keshogunan itu pada tahun 1868 (Rujuk Rajah 1).

Selain itu, *Tokugawa Ieyasu* juga telah menubuhkan satu struktur politik dengan mengekalkan kuasa terhadap semua lapisan dalam kelas masyarakat Jepun, termasuk maharaja dan semua golongan bangsawan istana (*kuge*), pembesar feudal (*daimyo*), golongan *samurai*, kaum tani, golongan petukang dan saudagar. Satu ordinan yang penting telah dikeluarkan pada tahun 1615. Ordinan ini dikenali sebagai *Kinchu kuge sho-hatto* atau 'Peraturan bagi Istana'. Perkara utama di dalamnya ialah:

- a) Maharaja harus berdedikasi untuk mencari ilmu, mengikuti ajaran klasik dan memajukan tradisi puisi.
- b) Menteri agung di istana maharaja seperti *Dojo-daijin*, *Sa-daijin* dan lain-lain akan menduduki tempat lebih kanan berbanding putera-putera raja.

c) Sesiapa sahaja yang membuat kesalahan akan dibuang negeri tidak kira apa kedudukannya di istana. Jumlah hasil yang akan diterima oleh maharaja telah ditetapkan dan pegawai *Bakufu* dihantar ke istana untuk mengawasinya.

Sebenarnya apa yang dilakukan oleh *Shogun* ialah melucutkan kuasa maharaja dan golongan bangsawan disamping menyekat kebebasan mereka<sup>33</sup>.

### 1.3.1 SISTEM SOSIAL DAN KEJATUHAN KESHOGUNAN TOKUGAWA

Pada zaman pemerintahan kerajaan *Tokugawa*, kerajaan *Bakufu*<sup>34</sup> menetapkan pembahagian yang ketat terhadap kelas-kelas dalam masyarakat Jepun. Puncak piramid susunan kelas-kelas ini ialah golongan bangsawan (*Kuge*), golongan *daimyo*<sup>35</sup> dan *Hatamoto*. Selain daripada kumpulan ini, rakyat jelata dibahagikan kepada empat kelas yang utama iaitu pahlawan (*samurai*), tani (*Nomin*), petukang (*shonin*) dan saudagar (*Chonin*). Di sini golongan *samurai* yang menduduki tempat teratas dalam masyarakat Jepun menikmati kedudukan yang istimewa dalam kalangan rakyat biasa. Kebanyakan dari mereka tinggal di bandar-bandar istana (*jokamachi*) dan di sepanjang zaman ini golongan *samurai* telah mengambil kakitangan-kakitangan untuk bekerja di dalam kerajaan *Edo* dan *Han*. Kelas *samurai* juga muncul sebagai kelas yang paling berpendidikan dalam sistem sosial *Tokugawa*. *Bakufu* juga menggalakkan pelajaran dikalangan *samurai* dan menjelang akhir era *Tokugawa* terdapat hampir 250 buah sekolah khas untuk anak-anak lelaki golongan *samurai* diseluruh Jepun.

Golongan *samurai* juga dikatakan menjadi punca kepada kejatuhan keshogunan *Tokugawa* apabila pada era keamanan yang panjang (250 tahun), golongan *samurai* yang tinggal di *Edo* dan bandar-bandar istana yang lain telah ketagih kepada sifat kemewahan dan keborosan. Ini telah menjadikan mereka kelas yang lemah dan bergantung kepada orang lain. Kemiskinan yang melanda kesyogunan *Tokugawa* dan golongan *daimyo* telah menjejaskan kesejahteraan golongan *samurai*. Golongan *daimyo* yang jatuh miskin pula telah mengurangkan gaji *samurai* mereka atau menahan sebahagian dari gaji mereka. Ini menimbulkan banyak kesulitan kepada kelas ini. Akibatnya menjelang akhir abad ke-18, golongan *samurai* menghadapi masalah ekonomi yang serius. Mereka banyak berhutang kepada golongan saudagar terutamanya broker-broker beras. Ramai *samurai* yang berkhidmat sebagai pegawai-pegawai rendah di *Bakufu* dan pentadbiran-pentadbiran *han* mula mengamalkan rasuah. Akhlak mereka berada di tahap yang rendah sekali dan akhirnya runtuh sama sekali.

Akibatnya mereka mula hilang sikap kesetiaan terhadap tuan-tuan mereka. Oleh kerana mereka tidak dapat bergantung terhadap gaji-gaji mereka beberapa dari mereka telah memutuskan ikatan terhadap tuan mereka dan menjadi *ronin* atau *samurai* yang tidak bertuan. Mereka merayau-rayau dan melibatkan diri dalam kegiatan penyamunan dan keganasan. Golongan ini menjadi penyebab utama keadaan kacau bilau pada ketika itu. Ada antara mereka yang menjadi petani manakala ada yang menjadi buruh menyebabkan kedudukan dan status sosial mereka jatuh sama sekali pada ketika itu. Dalam kalangan *samurai* daripada kelas rendah, perbezaan ini tidak dirasakan jelas dan ketara. Ada antara mereka yang mengaturkan perkahwinan dengan anak saudagar manakala ada juga yang mengambil anak saudagar dan petani yang kaya sebagai anak angkat untuk mendapatkan bayaran.



*Samurai* yang lebih miskin pula telah menggadaikan milik mereka yang utama iaitu pedang mereka kepada saudagar-saudagar<sup>36</sup>.

Keadaan ini menyebabkan ada antara *samurai* yang mula menimbulkan perasaan anti *Bakufu* dan turut serta dalam rusuhan anti *Bakufu* yang melemahkan kestabilan politik kesyogunan *Tokugawa*. Setelah negara-negara barat, yang dimulai oleh Amerika merempuh masuk ke Jepun selepas *Perjanjian Kanagawa* (31 Mac 1854) ditandatangani, golongan *samurai* muda yang menyedari tentang kelemahan kesyogunan *Tokugawa* (terutamanya dari wilayah barat) telah cuba menggulingkan *Bakufu* dan dalam usaha mereka untuk menggulingkan kerajaan itu, *samurai* seperti *Saigo*, *Okubo*, *Kido* dan lain-lain telah mendapatkan sokongan daripada golongan saudagar di Kyoto. Mereka telah menggunakan slogan "*sonno joi*" untuk menarik sokongan dan mengasuh sentimen anti-*Bakufu* dalam kalangan rakyat Jepun. Slogan ini telah menarik ramai *samurai* yang membenci orang asing untuk menyertai mereka dan menuntut agar kesyogunan dihapuskan manakala pemerintahan maharaja dikembalikan. Hal ini telah membawa kepada penggulingan *Bakufu* pada tahun 1867 dan membawa kepada pemodenan dalam era Meiji (1868-1912).

### 1.3.2 KESHOGUNAN TOKUGAWA DALAM TAMADUN JEPUN

Jika diaplikasikan konsep peradaban yang berkisar seperti yang dikemukakan oleh ahli sosiologi terkemuka iaitu Ibnu Khaldun, jelas dilihat bahawa tamadun Jepun telah mengalami proses kitaran berulang-ulang dalam satu kerangka tamadun yang besar. Kitaran ini bermula dari tahap pertama iaitu kemunculan Jepun sebagai sebuah negara disertai dengan perasaan asabiyah dikalangan

masyarakatnya sebagai suatu makhluk sosial. Terdapat keperluan dalam kalangan manusia terhadap suatu kuasa yang memerintah untuk membantu masyarakat membentuk sebuah negara<sup>37</sup> (Sila rujuk rajah 1.1).

Dalam sejarah Jepun terdapat beberapa siri pembentukan negara oleh beberapa pemerintah yang pada mulanya berasaskan kepada aspek asabiyah atau kekitaan yang kemudiannya membentuk kerajaan. Bermula dengan kerajaan *Yamato* kemudian diikuti pula oleh beberapa pemimpin politik yang membentuk keshogunan *Kamakura* (1205-1333), *Ashikaga* (1335-1597), sehinggalah membawa kepada keshogunan *Tokugawa* bermula dari tahun 1600 sehingga tahun 1868 apabila pemulihan Meiji dilaksanakan dan maharaja Jepun berkuasa semula sebagai pemerintah negara (Rajah 1.2). Konsep tamadun yang berkitar menurut Ibnu Khaldun sememangnya sesuai diaplikasikan terhadap keshogunan *Tokugawa* kerana ia mempunyai perkaitan dengan sejarah jatuh banggunya negara itu.

Kedudukan *Tokugawa* dalam tamadun yang berkitar bermula pada era *Sengoku Jidai* yang memperlihatkan keinginan *daimyo-daimyo* yang berkuasa berebut kekuasaan sebagai pentadbir mutlak di seluruh negara Jepun menyebabkan keadaan 'peperangan berterusan' (maksud perkataan '*Sengoku Jidai*') berlaku. Keadaan ini berterusan selama 27 tahun selepas *Shogun* terakhir dalam pemerintahan keshogunan *Ashikaga* iaitu *Yoshiaki* dipecat dari jawatannya. Pada waktu inilah munculnya *Ieyasu*, anak sulung *Matsudaira* iaitu ketua perwira di *Okazaki* sebagai pahlawan yang menyebelahi *Oda Nobunaga* dalam menyatukan negara Jepun. Tahap ini boleh diletakkan pada tahap pertama dalam teori ketamadunan Ibnu Khaldun yang merujuk kepada 'keadaan manusia yang berada dalam keadaan

berpuak-puak serta memerlukan seorang ketua agar kerjasama antara manusia untuk membentuk satu pakatan dalam menentang sebarang musuh dapat diwujudkan dalam suatu masyarakat atau sebuah negara<sup>38</sup> (Lihat tahap pertama dalam Rajah 1.1 dan Rajah 1.3).

Setelah dapat menewaskan pesaing-pesaingnya, tahap kedua tamadun Jepun memperlihatkan pembentukan kerajaan keshogunan *Tokugawa Ieyasu* kemudiannya menjalankan beberapa dasar untuk mengekalkan kedudukannya sehingga berjaya membentuk kerajaan yang kekal sehingga dua abad lamanya. Jika diteliti dari segi budaya pula, unsur budaya yang wujud pada era pemerintahan *Tokugawa* bolehlah dikatakan sebagai unsur budaya Jepun yang tersendiri. Kalau pada mulanya di zaman *Yamato* serta pemerintahan keshogunan *Kamakura* dan *Ashikaga*, peminjaman dari China dilakukan dengan pesatnya, maka pada zaman *Tokugawa* unsur budaya yang benar-benar kepunyaan Jepun mula mekar. Ini ditambah pula dengan keadaan yang aman dan damai yang menyelubungi negara Jepun bermula dari pemerintahan keshogunan *Tokugawa*. Hal ini diakui oleh beberapa orang sarjana barat seperti *Bix*, *Walthall* dan *Vlastos* yang mengkaji peranan golongan petani dalam kerajaan *Tokugawa*.

Jika dilihat pula dari perspektif *Khaldun*, pada tahap kedua ini masyarakat mulai mewujudkan bandar dan keadaan ini melemahkan perasaan *asabiyah* yang pada mulanya kukuh. Menurut *Khaldun*:

*"Once consolidated the state can dispense with social solidarity. The reason is that newly founded states can secure the obedience of their subject only by much coercion and force. This is because the people have not had the time to get accustomed to the new and foreign rule."*<sup>39</sup>

Tahap seterusnya memperlihatkan perkembangan budaya yang mementingkan keduniaan dan kebendaan. Pada tahap ini pegawai kerajaan mula mengamalkan rasuah manakala pemerintah pula mengamalkan budaya yang mementingkan kemewahan sehingga menyebabkan berlakunya pembaziran yang semakin berleluasa. Dari segi politik kerajaan telah menaikkan cukai untuk menampung kehidupan mewah maharaja, *daimyo* dan *samurai*. Hal ini jelas berlaku dalam pemerintahan kerajaan *Tokugawa* apabila kerajaan melaksanakan beberapa dasar yang menyebabkan rakyat merasa kurang senang. Masyarakat yang sebahagian besar terdiri dari golongan petani dihimpit dari berbagai sudut dalam kehidupan mereka sehingga menyebabkan mereka melakukan perkara-perkara yang tidak diduga hasil dari paksaan dan desakan yang dilakukan terhadap mereka. Hanya melalui unsur-unsur budaya sahaja dapat mengungkapkan apa yang dihadapi oleh masyarakat Jepun pada zaman *Tokugawa* sebelum kita memasuki tahap ketiga dalam pemerintahan kerajaan *Tokugawa* apabila pemerintah berada dalam keadaan mewah sehingga menjadi lemah dan akhirnya kerajaan itu runtuh dan digantikan dengan kerajaan yang baru pada tahap keempat.

Unsur-unsur budaya inilah yang cuba diterapkan dalam kajian ini dan akan dijelaskan satu demi satu dalam bab akan datang. Namun demikian tumpuan hanya akan diberikan kepada unsur budaya yang relevan dengan tajuk disertasi ini manakala peranan yang dimainkan oleh kerajaan *Tokugawa* serta unsur budaya mereka hanya akan dijelaskan pada bahagian tertentu sahaja.

## NOTA Hujungan

- <sup>1</sup> Dr. Teuku Iskandar, **Kamus Dewan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi 1989, hal.1274.
- <sup>2</sup> Nama sebenar Ibnu Khaldun ialah 'Abd-ar-Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun al-Hadrarni dari Tunis (1332-1406). Beliau dianggap sebagai seorang genius dan melalui bukunya 'Muwaddimah' beliau telah membentuk suatu falsadah sejarah yang dianggap kerja teragung yang sebelum itu tidak pernah difikirkan oleh fikiran manusia pada bila-bila masa dan tempat. Lihat Arnold J. Toynbee, **A Study of History**, Oxford University Press, 1972, hal. 489-494.
- <sup>3</sup> Dipetik oleh Sayyid Qutb dalam bukunya, **Petunjuk Sepanjang Jalan**, terjemahan Salahuddin Abdullah, Al-Ikhwani Enterprise, Kuala Lumpur, 1979.
- <sup>4</sup> M.A.J. Berg, **Two Lectures on Islamic Civilization**, Malaysia, 1982, hal. 2 .
- <sup>5</sup> T. Walter Wallbank, **Along The Banks of Rivers**, dalam T. Walter Wallbank dan M. Bailliey (ed), **Civilization: Past and Present**, 4th Edition., Scott Foresman and Co., Glenview, Illinois, 1975, hal. 15.
- <sup>6</sup> Samuel Huntington, **The Clash of Civilization and the Remaking of World Order**, Simon & Schuster, New York, 1996, hal 45 dan 46.
- <sup>7</sup> **Longman Dictionary of Contemporary English**, Longman Dictionaries, Essex, London, 1995.
- <sup>8</sup> Perbincangan mengenai perbezaan konsep tamadun dalam Islam dan konsep *civilization* oleh Barat diterangkan dengan panjang lebar dalam Baharuddin Yatim dan Sulaiman Noordin (ed), **Islam dan Ideologi Masa Kini**, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.
- <sup>9</sup> Fernand, Braudel, **History of Civilizations**, Allen Lane-Penguin Press, New York, 1994 hal. 35.
- <sup>10</sup> Samuel Huntington, Op. cit, hal. 47.
- <sup>11</sup> Carroll Quigley, **The Evolution of Civilizations**, Macmillan, New York, 1961, hal 63.
- <sup>12</sup> *Ibid*, hal.64.
- <sup>13</sup> Dipetik oleh Osman Bakar dalam bukunya, **Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for a Truly Universal Civilization**, Centre for Civilizational Dialogue University of Malaya, 1977, hal. 10.
- <sup>14</sup> Samuel Huntington, Op. Cit, hal. 45-47.
- <sup>15</sup> *Ibid* hal. 47.
- <sup>16</sup> **The Encyclopedia Britannica**, Britannica Incorp., U. S. A., 1960, hal. 887.
- <sup>17</sup> Harumi Befu, **Japan: An Anthropological Introduction**, Chandler Publishing Co., New York, 1971, hal. 12.
- <sup>18</sup> H. Paul Varley, **Japanese Culture: A Short History**, Praeger Publishers, New York, 1973, hal. 4.
- <sup>19</sup> *Ibid* hal 4.
- <sup>20</sup> *Ibid*.
- <sup>21</sup> Arthur E. Tiedemann, **An Introduction to Japanese Civilization**, Columbia University Press, New York & London, 1974, hal. 9.
- <sup>22</sup> **The Encyclopedia Americana International Edition**, American Corp. USA, hal 756.
- <sup>23</sup> *Ibid*.
- <sup>24</sup> Harumi Befu, op. Cit, hal 12.
- <sup>25</sup> John Whitney Hall, **Japan: From Prehistory to Modern Times**, Dell Publishing Co., New York, 1979. hal 28.
- <sup>26</sup> Perbezaan antara bahasa Jepun dengan bahasa Cina dalam bentuk pertuturan amat besar. Bahasa Jepun adalah bahasa yang menggunakan banyak suku kata dalam setiap perkataan. Perkataan dalam bahasa Cina hanya mengandungi satu suku kata sahaja. Tata kalimat bahasa Jepun juga tidak mempunyai persamaan dengan bahasa Cina. Inilah antara kemungkinan yang utama mengapa pada peringkat awalnya tulisan Cina berkembang dengan perlahan di negeri Jepun. Menurut Richard Storry dalam bukunya 'Sejarah Jepun Modern', Penerbit Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, tulisan Cina telah diketahui seawal kurun pertama Masihi lagi tetapi penggunaan rasmi tulisan ini biasanya diberi tarikh pada kurun ke-5 M.

- <sup>27</sup> Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank, *East Asia The Great Tradition*, Houghton Mifflin Co., Noston, hal. 511.
- <sup>28</sup> *Kojiki* ialah kitab tertua mengenai sejarah Jepun yang merakamkan mengenai kejadian sejak zaman dewa-dewa sehingga zaman pemerintahan Maharani *Suiko* (593-628M).
- <sup>29</sup> *Ibid*, hal. 513.
- <sup>30</sup> *Waka* merupakan puisi Jepun yang muncul pada pertengahan abad ke 6 M terutamanya dikalangan aristokrat istana. Sehingga abad ke 8 M ia digunakan bersama-sama dengan *tanka* iaitu puisi pendek dalam lima baris dalam susunan rangkaikata 5-7-5-7-7.
- <sup>31</sup> Lihat Reischauer dalam bukunya, 'The Story of a Nation' Alfred A. Knopf, New York, 1974, hal. 35.
- <sup>32</sup> *Man'yōshū* merupakan koleksi terawal puisi Jepun yang ditulis dalam 20 buku yang mengandungi 4,516 buah puisi waka dan yang terakhir sekali bertarikh tahun 759 M. Lihat *Japan: An Illustrated Encyclopedia*, Kodansha Limited, Tokyo 1993, hal. 919.
- <sup>33</sup> M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Arena Buku Sdn. Bhd., 1988, hal. 41.
- <sup>34</sup> *Bakufu* dari segi bahasa bermaksud 'kerajaan khemah'. Ia merupakan kerajaan ketenteraan yang memerintah Jepun. Biasanya istilah ini digunakan terhadap ketiga-tiga Keshogunan yang memerintah Jepun dari tahun 1192-1867 iaitu Kamakura, Ashikaga dan Tokugawa. Pemerintahannya berbeza dengan kerajaan sivil maharaja di Kyoto.
- <sup>35</sup> *Daimyo* merupakan pemerintah kepada kelas pahlawan yang juga memiliki tanah di wilayah-wilayah.
- <sup>36</sup> M. Rajendran, *Op cit.*, hal. 54.
- <sup>37</sup> Lihat buku Ibnu Khaldun, *al-Muqaddimah: An Introduction to History*, edisi Quatemere Vol 1, hal. 71. Dipetik oleh Charles Issawi, *Ibnu Khaldun: An Arab Philosophy of History*, Butler & Tanner Ltd., London, 1969.
- <sup>38</sup> *Ibid* Vol 1, hal 68, hal 71 dan hal 235.
- <sup>39</sup> *Ibid*, hal 279.